




Kementerian Sumber Manusia

# Buku Panduan Gaji Pokok Permulaan dan Kenaikan Tahunan untuk Sektor-sektor Terpilih

**Dasar Gaji Progresif**



## Isi Kandungan



# Bab 1: Pengenalan kepada Panduan DGP

## Dasar Gaji Progresif dan Projek Perintis DGP

Kerajaan telah merumuskan Dasar Gaji Progresif (DGP) untuk meningkatkan gaji pekerja di Malaysia, terutamanya **pekerja peringkat permulaan** yang bekerja untuk kali pertama, dan **pekerja bukan peringkat permulaan**. Objektif dasar ini juga adalah untuk meningkatkan agihan pampasan pekerja yang telah menyumbang kepada penghasilan keluaran ekonomi Malaysia.

Tiga ciri utama DGP ialah: (1) bersifat **sukarela**, (2) **disokong oleh insentif**, dan (3) **didorong oleh produktiviti**. Syarikat yang ingin mengambil bahagian perlu menyediakan maklumat yang diperlukan, mematuhi kriteria yang ditetapkan, serta mengikuti prosedur dan panduan. Kerajaan mengalu-alukan syarikat yang layak untuk mengambil bahagian.

Kerajaan melancarkan projek perintis Dasar Gaji Progresif pada bulan Jun 2024. Pendaftaran bagi syarikat yang berminat telah bermula sejak 15 Mei 2024 hingga 31 Ogos 2024.

Objektif utama projek perintis ini adalah untuk mengukur respons majikan terhadap DGP. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai panduan gaji DGP dan pelaksanaan dasar. Maklum balas yang diperolehi akan digunakan untuk menambah baik pelaksanaan DGP.

Untuk maklumat lanjut mengenai DGP, layari laman sesawang DGP:

<https://gajiprogresif.gov.my>

## Apa itu Panduan DGP?

Panduan DGP ialah sebuah manual yang mengandungi satu set Jadual Matriks dengan maklumat mengenai gaji pokok permulaan dan kenaikan gaji tahunan untuk semua pekerjaan pada peringkat 4-digit yang terdapat dalam pasaran buruh di sektor swasta.

Pekerjaan diklasifikasikan mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO), boleh diakses melalui pautan internet berikut:

<https://emasco.mohr.gov.my/>

# Bab 2: Skop dan Liputan Panduan DGP

## Skop dan Liputan

Projek perintis DGP akan meliputi **lima (5) sektor ekonomi** iaitu :



Majikan bagi syarikat-syarikat di Malaysia adalah sasaran DGP dan digalakkan untuk menyertai projek perintis ini. Reka bentuk DGP juga telah mengambil kira ciri-ciri perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Perusahaan Multinasional tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Dasar Gaji Progresif.

Majikan yang mengambil bahagian perlu menghantar pekerja sepenuh masa peringkat permulaan dan bukan peringkat permulaan untuk menghadiri kursus latihan yang diluluskan di bawah projek perintis ini. Pekerja yang berkelayakan adalah pekerja sepenuh masa kewarganegaraan Malaysia, memperoleh gaji pokok bulanan antara RM1,500 dan RM4,999.

## Jenis kumpulan pekerja

**Pekerja peringkat permulaan** merujuk kepada pekerja warganegara Malaysia yang berkhidmat dalam tahun pertama di syarikat dan jawatan tersebut. Mereka mestilah bekerja sepenuh masa dan gaji pokok bulanan mereka mestilah dalam lingkungan RM1,500 dan RM4,999.

**Pekerja bukan peringkat permulaan** merujuk kepada pekerja warganegara Malaysia yang telah mengisi jawatan di syarikat lebih daripada setahun. Mereka mestilah bekerja sepenuh masa dan mendapat gaji pokok dalam lingkungan RM1,500 dan RM4,999 sebulan.



# Bab 2: Skop dan Liputan Panduan DGP

## Gambaran Keseluruhan Penyertaan

1

### FAEDAH DGP UNTUK MAJIKAN

Di bawah DGP, kerajaan akan memberikan insentif kepada majikan untuk membayar pekerja warganegara Malaysia mereka:

- bagi pekerja Peringkat Permulaan (EL), yang memenuhi skala gaji DGP, insentif sehingga RM200 sebulan selama 12 bulan untuk setiap pekerja yang layak.
- bagi pekerja Bukan Peringkat Permulaan (NEL), insentif sehingga RM300 sebulan selama 12 bulan untuk setiap pekerja yang layak.

2

### SYARAT PENYERTAAN

Untuk menyertai DGP, majikan perlu:

1. Mendaftar akaun DGP  
<https://gajiprogresif.gov.my/login.php>.
2. Membayar pekerja EL mengikut skala gaji permulaan DGP (rujuk Jadual Matriks).
3. Menaikkan gaji pokok tahunan mengikut kuantum yang ditetapkan iaitu 6.0% bagi pekerja NEL.
4. Pekerja yang mengambil bahagian perlu menghadiri latihan yang diluluskan untuk 21 jam.

3


### LANGKAH-LANGKAH PENYERTAAN

Langkah-langkah yang perlu diambil oleh majikan:

1. Berdaftar dengan PERKESO & KWSP.
2. Sistem akan menilai kelayakan pekerja warganegara Malaysia mereka (rujuk carta aliran).

# Bab 2: Skop dan Liputan Panduan DGP

## Carta Aliran Penyertaan



# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan di bawah DGP

Satu set Jadual Matriks disediakan untuk membimbing majikan untuk mengambil bahagian dalam projek DGP. Matriks tersebut merupakan jadual yang mengandungi empat (4) lajur.

### Terdapat empat (4) lajur dalam Jadual Matriks:

- a) **Lajur 1:** Lajur ini mengandungi nombor bermula daripada '1' untuk semua pekerjaan 4D yang terdapat dalam sektor yang terlibat.
- b) **Lajur 2:** Lajur ini menyenaraikan semua kod pekerjaan 4D yang terdapat dalam sektor yang terlibat. Kod tersebut dikumpulkan mengikut tujuh kategori utama pekerjaan MASCO. Nota: Pengurus dan Pekerja Tidak Mahir tidak termasuk dalam DGP.
  - i. MASCO 2 - Profesional
  - ii. MASCO 3 - Juruteknik dan profesional bersekutu
  - iii. MASCO 4 - Pekerja sokongan perkeranian
  - iv. MASCO 5 - Pekerja perkhidmatan & jualan
  - v. MASCO 6 - Pekerja kemahiran pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan
  - vi. MASCO 7 - Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
  - vii. MASCO 8 - Operator mesin dan loji, dan pemasang
- c) **Lajur 3:** Lajur ini menyediakan penerangan bagi setiap pekerjaan 4D yang disenaraikan dalam Lajur 2.
- d) **Lajur 4:** Lajur ini menyediakan maklumat mengenai gaji pokok permulaan untuk setiap pekerjaan 4D. Ia merupakan gaji pokok permulaan minimum yang perlu dibayar oleh majikan kepada pekerja peringkat permulaan supaya layak untuk mengambil bahagian dalam DGP.

## Kenaikan Tahunan untuk Pekerja Bukan Peringkat Permulaan di bawah DGP

**Bagi pekerja bukan peringkat permulaan, mereka layak untuk insentif DGP sekiranya kenaikan tahunan DGP untuk 2024 adalah kurang daripada 6.0% setahun.** Kerajaan akan menyediakan insentif kepada syarikat untuk membayar pekerja mereka sehingga 6% daripada kenaikan gaji tahunan.

Insentif tersebut adalah perbezaan antara 6% dan kenaikan tahunan gaji pokok pekerja, dan tertakluk kepada insentif maksimum RM300 untuk pekerja NEL.

Hanya pekerja DGP yang telah menjalani program latihan yang diluluskan layak untuk menuntut insentif.

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 2 - Profesional

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
1	2111	Ahli Fizik Dan Astronomi	3,115
2	2112	Ahli Meteorologi Dan Ahli Seismologi	3,115
3	2113	Ahli Kimia	2,745
4	2114	Ahli Geologi Dan Geofizik	3,050
5	2121	Ahli Matematik, Aktuari, Dan Perangkawan	3,160
6	2131	Profesional Biologi, Botani, Zoologi Dan Profesional Berkaitan	3,745
7	2132	Penasihat Perladangan, Pertanian, Perhutanan, Dan Perikanan	3,175
8	2133	Profesional Perlindungan Alam Sekitar	3,480
9	2134	Profesional Farmakologi, Patologi Dan Profesional Yang Berkaitan	2,775
10	2141	Jurutera Industri Dan Pengeluaran	3,645
11	2142	Jurutera Awam	3,115
12	2143	Jurutera Alam Sekitar	2,195
13	2144	Jurutera Mekanikal	3,380
14	2145	Jurutera Kimia	3,585
15	2146	Jurutera Perlombongan, Ahli Kaji Logam Dan Profesional Yang Berkaitan	3,600
16	2149	Profesional Kejuruteraan (Tidak Termasuk Elektroteknologi) Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	3,040
17	2151	Jurutera Elektrik	3,355
18	2152	Jurutera Elektronik	3,410
19	2153	Jurutera Telekomunikasi	3,350
20	2161	Arkitek Bangunan	3,140



# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 2 - Profesional (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
21	2162	Arkitek Landskap	2,865
22	2163	Pereka Produk Dan Pakaian	3,275
23	2164	Perancang Bandar Dan Trafik	2,865
24	2165	Pelukis Peta Dan Juruukur	2,575
25	2166	Pereka Grafik Dan Multimedia	2,885
26	2171	Jurutera Kapal	3,055
27	2172	Pegawai Dan Pilot Dek Kapal	3,080
28	2173	Juruterbang Pesawat Udara Dan Profesional Yang Berkaitan	3,040
29	2174	Pengawal Trafik Udara	3,275
30	2175	Pengawal Kereta Api/ Lokomotif	3,800
31	2179	Pengawal Pengangkutan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,865
32	2182	Profesional Pembuatan	2,855
33	2183	Profesional Pembinaan	3,260
34	2211	Pengamal Perubatan Umum	3,785
35	2212	Pengamal Perubatan Pakar	3,740
36	2221	Profesional Kejururawatan	2,960
37	2222	Profesional Perbidanan	2,960
38	2231	Ahli Perubatan Tradisional Dan Komplementari	3,470
39	2241	Pengamal Paramedik	2,650
40	2251	Pakar Veterinar	3,575

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 2 - Profesional (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
41	2261	Doktor Pergigian	3,140
42	2262	Ahli Farmasi	2,760
43	2263	Profesional Persekitaran Dan Kesihatan Pekerjaan Dan Kebersihan	2,895
44	2264	Jurupulih Anggota	3,490
45	2265	Pegawai Diet Dan Pegawai Nutrisi	2,860
46	2266	Pegawai Audiologi Dan Jurupulih Pertuturan	2,985
47	2267	Pegawai Optometri Dan Pegawai Optik	2,825
48	2269	Profesional Kesihatan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,985
49	2311	Profesional Perguruan Universiti Dan Pendidikan Tinggi	3,580
50	2321	Guru Pendidikan Vokasional	3,755
51	2331	Guru Pendidikan Menengah	3,855
52	2341	Guru Sekolah Rendah	3,630
53	2342	Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak	2,295
54	2351	Guru Muzik	2,630
55	2352	Guru Seni	2,520
56	2353	Guru Seni Persembahan	2,520
57	2361	Guru Bahasa	3,200
58	2371	Guru Agama	2,215
59	2381	Pegawai Latihan Vokasional	3,270
60	2391	Pakar Kaedah Pendidikan	2,380

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 2 - Profesional (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
61	2392	Guru Pendidikan Khas	2,450
62	2393	Jurulatih Teknologi Maklumat	2,960
63	2399	Profesional Perguruan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,655
64	2411	Akauntan Dan Juruaudit	3,280
65	2412	Penasihat Kewangan Dan Pelaburan	3,830
66	2413	Jruanalisis Kewangan	3,260
67	2421	Jruanalisis Pengurusan Dan Organisasi	2,860
68	2422	Profesional Pentadbiran Dasar	3,245
69	2423	Profesional Personel Dan Kerjaya	3,280
70	2424	Profesional Pembangunan Latihan Dan Kakitangan	2,860
71	2425	Profesional Pentadbiran	3,245
72	2426	Profesional Penyelidikan Dan Pembangunan	4,180
73	2431	Profesional Pengiklanan Dan Pemasaran	3,160
74	2432	Profesional Perhubungan Awam	2,625
75	2433	Profesional Jualan Teknikal Dan Perubatan (Tidak Termasuk ICT)	2,890
76	2434	Profesional Jualan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)	2,785
77	2511	Jruanalisis Sistem Komputer	3,850
78	2512	Pembangun Perisian	3,780
79	2513	Pembangun Web Dan Multimedia	3,740
80	2514	Pengaturcara Aplikasi	3,630

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 2 – Profesional (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
81	2519	Pembangun Dan Juruanalisis Perisian Dan Aplikasi Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	3,415
82	2521	Pereka Dan Pentadbir Pangkalan Data	3,415
83	2522	Pentadbir Sistem Teknologi Maklumat	3,520
84	2523	Profesional Rangkaian Komputer	3,975
85	2524	Profesional Data	3,565
86	2531	Profesional Keselamatan Siber	3,510
87	2541	Profesional Kesan Visual Dan Animasi	3,055
88	2542	Profesional Permainan Digital Dan E-Sukan	2,810
89	2543	Profesional Pereka Kandungan Kreatif	2,985
90	2611	Peguam	3,505
91	2619	Profesional Perundangan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,415
92	2711	Profesional Hotel	2,720
93	2712	Profesional Restoran	3,380
94	2811	Juruarkib Dan Kurator	3,225
95	2812	Pustakawan Dan Profesional Maklumat Yang Berkaitan	3,225
96	2821	Ahli Ekonomi	2,240
97	2823	Ahli Falsafah, Sejarawan, Dan Ahli Sains Politik	2,240
98	2824	Ahli Psikologi	2,240
99	2825	Profesional Kerja Sosial Dan Kaunseling	4,100
100	2826	Profesional Keagamaan	2,165

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

### MASCO 2 - Profesional (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
101	2831	Pengarang Dan Penulis Yang Berkaitan	2,750
102	2832	Wartawan	3,435
103	2833	Penterjemah, Jurubahasa, Dan Ahli Linguistik Lain	4,675
104	2841	Artis Visual	1,935
105	2842	Ahli Muzik, Penyanyi, Dan Komposer	2,660
106	2843	Penari Dan Pereka Tari	2,495
107	2844	Pengarah Dan Penerbit Filem, Pementasan Dan Yang Berkaitan	3,580
108	2845	Pelakon	2,495
109	2846	Juruhebah Radio, Televisyen, Dan Media Lain	2,215
110	2848	Penjaga Dan Jurulatih Haiwan	2,495

### MASCO 3 - Juruteknik dan Profesional Bersekutu

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
111	3111	Juruteknik Sains Kimia Dan Fizik	2,350
112	3112	Juruteknik Kejuruteraan Awam	2,470
113	3113	Juruteknik Kejuruteraan Elektrik	2,585
114	3114	Juruteknik Kejuruteraan Elektronik	2,405
115	3115	Juruteknik Kejuruteraan Mekanikal	2,440

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 3 - Juruteknik dan Profesional Bersekutu

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
116	3116	Juruteknik Kejuruteraan Kimia	2,995
117	3117	Juruteknik Perlombongan Dan Kaji Logam	2,465
118	3118	Pelukis Pelan Dan Juruteknik Ukur	2,585
119	3119	Juruteknik Industri Dan Pengeluaran	2,290
120	3121	Penyelia Perlombongan	2,640
121	3122	Penyelia Pembuatan	2,465
122	3123	Penyelia Pembinaan	2,540
123	3129	Penyelia Lain Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,370
124	3131	Operator Loji Penjana Kuasa	2,255
125	3132	Operator Loji Insinerator Dan Perawatan Air	2,070
126	3133	Pengawal Loji Pemprosesan Kimia	2,560
127	3134	Operator Loji Penapisan Petroleum Dan Gas Asli	2,205
128	3135	Pengawal Proses Pengeluaran Logam	2,210
129	3139	Juruteknik Kawalan Proses Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,945
130	3141	Juruteknik Sains Hayat (Tidak Termasuk Perubatan)	2,475
131	3142	Juruteknik Pertanian Dan Penternakan	2,230
132	3143	Juruteknik Perhutanan	2,360
133	3144	Juruteknik Perikanan	2,010
134	3151	Juruteknik Pesawat Udara	3,125
135	3152	Juruteknik Kapal/ Marin	2,510



# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 3 - Juruteknik dan Profesional Bersekutu (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
136	3153	Juruteknik Kereta Api/ Lokomotif	2,315
137	3154	Juruteknik Kenderaan Bermotor	2,270
138	3159	Juruteknik Pengangkutan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,795
139	3211	Juruteknik Kelengkapan Pengimejan Perubatan Dan Terapeutik	3,155
140	3212	Juruteknik Makmal Perubatan Dan Patologi	2,830
141	3213	Juruteknik Dan Pembantu Farmaseutikal	2,145
142	3214	Juruteknik Perubatan Dan Prostetik Pergigian	2,735
143	3215	Juruteknik Ortotik Dan Prostetik	2,255
144	3221	Profesional Bersekutu Kejururawatan (Kecuali Pergigian)	2,555
145	3222	Profesional Bersekutu Perbidanan	2,495
146	3231	Profesional Bersekutu Perubatan Tradisional Dan Komplementari	2,130
147	3241	Juruteknik Dan Pembantu Veterinar	2,350
148	3251	Pembantu Pergigian Dan Ahli Terapi	2,645
149	3252	Juruteknik Rekod Perubatan Dan Maklumat Kesihatan	2,290
150	3253	Pekerja Kesihatan Masyarakat	2,285
151	3254	Juruoptik Pendispensan	2,750
152	3255	Juruteknik Dan Pembantu Jurupulih Anggota	2,155
153	3256	Pembantu Perubatan	2,320
154	3257	Pemeriksa Kesihatan Pekerjaan Dan Persekitaran Dan Bersekutu	2,160
155	3258	Pembantu Ambulans	2,105

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 3 - Juruteknik dan Profesional Bersekutu (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
156	3259	Profesional Bersekutu Kesihatan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,285
157	3311	Perunding Dan Broker Sekuriti Dan Kewangan	3,155
158	3312	Pegawai Kredit Dan Pinjaman	2,830
159	3313	Profesional Bersekutu Perakaunan Dan Pengauditan	2,575
160	3314	Profesional Bersekutu Perangkaan, Matematik, Dan Aktuari	2,685
161	3315	Penilai Dan Pentaksir Kerugian	2,670
162	3321	Wakil Insurans	2,560
163	3322	Wakil Jualan Komersil	2,285
164	3323	Pembeli	2,890
165	3324	Broker Perdagangan	2,320
166	3331	Ejen Pelepasan Dan Pengangkutan	2,950
167	3332	Ejen Persidangan Dan Acara	2,165
168	3333	Ejen Dan Kontraktor Pekerjaan	2,135
169	3334	Ejen Hartanah Dan Harta	2,650
170	3339	Ejen Perkhidmatan Perniagaan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,440
171	3341	Profesional Bersekutu Pentadbiran	2,390
172	3342	Setiausaha Perundangan	2,465
173	3343	Setiausaha Pentadbiran Dan Eksekutif	2,500
174	3344	Setiausaha Perubatan	2,465
175	3411	Profesional Bersekutu Perundangan Dan Yang Berkaitan	2,285

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 3 - Juruteknik dan Profesional Bersekutu (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
176	3511	Juruteknik Operasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	2,355
177	3512	Juruteknik Sokongan Pengguna Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	2,595
178	3513	Juruteknik Rangkaian Dan Sistem Komputer	2,265
179	3514	Juruteknik Web	2,215
180	3521	Juruteknik Penyiaran Dan Audiovisual	2,355
181	3522	Juruteknik Kejuruteraan Telekomunikasi	2,510
182	3611	Profesional Bersekutu Kerja Sosial	2,780
183	3612	Profesional Bersekutu Keagamaan	1,945
184	3621	Atlet Dan Ahli Sukan	2,155
185	3622	Jurulatih, Pengajar, Dan Pegawai Sukan	2,475
186	3623	Ketua Program, Dan Pengajar Kecergasan Dan Rekreasi	2,360
187	3631	Jurugambar	2,715
188	3632	Pereka Bentuk Dan Juruhias Dalaman	2,475
189	3633	Profesional Bersekutu Galeri, Muzium, Dan Perpustakaan	2,665
190	3634	Profesional Bersekutu Kebudayaan Dan Kesenian	2,495
191	3639	Profesional Bersekutu Kesenian Dan Kebudayaan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana- Mana	3,035
192	3641	Jurumasak	2,500

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 4 - Pekerja Sokongan Perkeranian

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
193	4111	Kerani Am Pejabat	2,005
194	4121	Setiausaha (Am)	2,240
195	4131	Jurutaip	1,965
196	4132	Kerani Kemasukan Data	2,050
197	4211	Juruwang Bank Dan Kerani Yang Berkaitan	2,175
198	4212	Penerima Taruhan, Krupier, Dan Pekerja Permainan Yang Berkaitan	1,840
199	4213	Broker Gadaian Dan Peminjam Wang	1,810
200	4214	Pemungut Hutang Dan Sewa, Dan Pekerja Yang Berkaitan	1,965
201	4221	Perunding Perjalanan Dan Kerani Yang Berkaitan	2,045
202	4222	Kerani Pusat Penerangan Informasi	2,000
203	4223	Operator Telefon	2,190
204	4224	Penyambut Tetamu	1,935
205	4225	Kerani Pertanyaan	1,990
206	4226	Penemuduga Tinjauan Dan Penyelidikan Pasaran	1,985
207	4229	Pekerja Maklumat Pelanggan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,985
208	4311	Kerani Perakaunan Dan Simpan Kira	2,085
209	4312	Kerani Perangkaan, Kewangan, Dan Insurans	2,105
210	4313	Kerani Gaji	1,990
211	4321	Kerani Stok	2,000
212	4322	Kerani Pengeluaran	2,195

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 4 - Pekerja Sokongan Perkeranian (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
213	4323	Kerani Pengangkutan	2,230
214	4411	Kerani Perpustakaan	1,910
215	4412	Kerani Penedaran Dan Pengisihan Mel	2,140
216	4413	Kerani Pengekodan, Pembacaan Pruf Dan Yang Berkaitan	2,390
217	4414	Jurutulis Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,220
218	4415	Kerani Pemfailan Dan Penyalinan	2,215
219	4416	Kerani Personel	2,185
220	4419	Pekerja Sokongan Perkeranian Lain Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,260

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 5 – Pekerja Perkhidmatan dan Jualan

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
221	5111	Atendan Perjalanan Dan Pelayan Perjalanan	2,785
222	5112	Konduktor Pengangkutan	1,940
223	5113	Pemandu Perjalanan	2,065
224	5121	Tukang Masak	2,025
225	5131	Pelayan	1,945
226	5132	Pelayan Bar	2,010
227	5141	Pendandan Rambut	1,995
228	5142	Jurusolek Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,070
229	5151	Penyelia Pencucian Dan Pengemasan Di Pejabat, Hotel Dan Pertubuhan Lain	2,000
230	5152	Jurukemas Domestik	2,065
231	5153	Penjaga Bangunan	2,310
232	5161	Ahli Nujum, Tukang Tilik Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,205
233	5163	Pekerja Pengebumian Dan Perapian Mayat	2,165
234	5164	Perapi Haiwan Peliharaan Dan Penjaga Haiwan	2,000
235	5165	Pengajar Pemanduan	2,185
236	5169	Pekerja Perkhidmatan Peribadi Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,275
237	5211	Jurujuwal Di Gerai Dan Pasar	1,980
238	5212	Jurujuwal Makanan Di Tepi Jalan	2,045
239	5221	Penjaga Kedai	2,050
240	5222	Penyelia Kedai	2,180



# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 5 - Pekerja Perkhidmatan dan Jualan (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
241	5223	Pembantu Jualan Di Kedai	1,955
242	5231	Juruwang Dan Kerani Tiket	1,920
243	5241	Model Fesyen Dan Model Lain	2,030
244	5242	Penunjuk Cara Jualan	1,955
245	5243	Jurujual Pintu-Ke-Pintu	2,120
246	5244	Jurujual Pusat Perhubungan	2,105
247	5245	Atendan Pam Dan Pusat Servis	1,920
248	5246	Atendan Kaunter Makanan	2,000
249	5249	Pekerja Jualan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,160
250	5311	Pekerja Asuhan Kanak-Kanak	1,955
251	5312	Pembantu Guru	2,060
252	5321	Pembantu Penjagaan Kesihatan	2,150
253	5322	Pekerja Penjagaan Diri Di Rumah	2,160
254	5329	Pekerja Penjagaan Diri Dalam Perkhidmatan Kesihatan Yang Tidak Dikelaskandi Mana-Mana	2,155
255	5411	Ahli Bomba	1,990
256	5412	Pegawai Polis Rendah	2,350
257	5414	Pengawal Keselamatan	1,985
258	5419	Pekerja Perkhidmatan Perlindungan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,040

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 6 - Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
259	6111	Penanam Tanaman Ladang	2,000
260	6112	Penanam Pokok Renek	1,895
261	6113	Pekebun, Penanam Hortikultur Dan Tapak Semaian	2,075
262	6114	Penanam Tanaman Campuran	1,960
263	6115	Penanam Sayur-Sayuran	1,885
264	6121	Pengeluar Ternakan Dan Tenusu	1,875
265	6122	Pengeluar Ternakan Ayam Itik	2,420
266	6123	Pemelihara Lebah Dan Ulat Sutera	1,885
267	6129	Pengeluar Haiwan Dan Pekerja Berkaitan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,885
268	6131	Pengeluar Tanaman Dan Haiwan Campuran	2,000
269	6211	Pekerja Kemahiran Perhutanan Dan Yang Berkaitan	2,065
270	6221	Pengeluar Perikanan Dan Akuakultur	1,865
271	6222	Pekerja Kemahiran Perikanan Perairan Pedalaman Dan Pantai	1,950
272	6223	Pekerja Kemahiran Perikanan Laut Dalam	1,920
273	6224	Pemburu Dan Penjerat	1,955
274	6311	Peladang Tanaman Berorientasikan Sara Diri	1,915
275	6331	Peladang Tanaman Dan Ternakan Campuran Berorientasikan Sara Diri	1,920
276	6341	Nelayan, Pemburu, Penjerat, Dan Pemungut Berorientasikan Sara Diri	1,940

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 7 - Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
277	7111	Pembina Rumah Dan Pekerja Binaan	1,905
278	7112	Penerap Bata Dan Pekerja Yang Berkaitan	1,895
279	7113	Tukang Batu, Pemetong Batu, Pemecah Batu, Dan Pengukir Batu	2,055
280	7114	Tukang Letak Konkrit, Pengemas Konkrit, Dan Pekerja Yang Berkaitan	1,920
281	7115	Tukang Kayu Dan Tukang Tanggam	2,000
282	7119	Pekerja Kerangka Bangunan Dan Pekerja Pertukangan Berkaitan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,985
283	7121	Pemasang Bumbung	2,315
284	7122	Penurap Lantai Dan Pengatur Jubin	2,040
285	7123	Tukang Plaster	1,970
286	7124	Tukang Penebatan	2,335
287	7125	Tukang Kaca	2,725
288	7126	Tukang Paip Dan Jurugegas Paip	2,180
289	7127	Mekanik Penyaman Udara Dan Penyejukan	2,145
290	7131	Tukang Cat Dan Pekerja Yang Berkaitan	1,930
291	7132	Tukang Sembur Cat Dan Varnis	2,145
292	7133	Pencuci Struktur Bangunan	2,230
293	7211	Pembuat Acuan Dan Pembuat Teras Logam	2,145
294	7212	Pengimpal Dan Pemetong Besi	2,035
295	7213	Pekerja Kepingan Logam	2,440
296	7214	Penyedia Dan Penegak Logam Struktur	2,370

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 7 – Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
297	7215	Jurutali Dan Penyambung Kabel	2,030
298	7221	Tukang Besi, Tukang Tukul, Dan Pekerja Mesin Penempa Logam	1,975
299	7222	Pembuat Peralatan Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,085
300	7223	Pengeset Dan Pengendali Peralatan Untuk Mesin Kerja Logam	1,910
301	7224	Penggilap Logam, Penganai Roda, Dan Pengasah Peralatan	1,980
302	7231	Mekanik Dan Pembaik Kenderaan Bermotor	2,055
303	7232	Mekanik Dan Pembaik Enjin Pesawat Udara	2,555
304	7233	Mekanik Dan Pembaik Jentera Pertanian Dan Perindustrian	2,225
305	7239	Mekanik Dan Pembaik Jentera Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,010
306	7311	Pembuat Dan Pembaik Peralatan Jitu	2,150
307	7312	Pembuat Dan Penala Alat Muzik	2,070
308	7313	Pekerja Barang Kemas Dan Logam Berharga	2,500
309	7314	Tukang Tembikar Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,070
310	7315	Pembuat, Pemotong, Penganai, Dan Pengemas Kaca	1,840
311	7316	Penulis Papan Tanda, Pelukis Hiasan, Pengukir, Dan Penggores	2,090
312	7317	Pekerja Kraftangan Kayu, Bakul Dan Bahan Yang Berkaitan	1,945
313	7318	Pekerja Kraftangan Tekstil, Barangan Kulit Dan Bahan Yang Berkaitan	1,865
314	7319	Pekerja Kraftangan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,990
315	7321	Pekerja Prapencetakan	1,985
316	7322	Pencetak	1,885

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 7 – Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
317	7323	Pekerja Kemasan Akhir Dan Penjilid Pencetakan	2,345
318	7411	Juruelektik Bangunan Dan Yang Berkaitan	2,025
319	7412	Mekanik Dan Jurugegas Elektrik	2,060
320	7413	Pemasang Dan Pembaik Talian Elektrik	2,040
321	7421	Mekanik Dan Penservis Elektronik	2,185
322	7422	Pemasang Dan Penservis Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	2,020
323	7511	Pekerja Pemprosesan Daging, Ikan, Dan Penyedia Makanan Yang Berkaitan	1,875
324	7512	Pembuat Roti, Pastri, Pasta, Dan Konfeksi	1,995
325	7513	Pembuat Produk Tensusu	1,995
326	7514	Pengawet Buah-Buahan, Sayur-Sayuran Dan Yang Berkaitan	2,495
327	7515	Perasa Dan Penggred Makanan Dan Minuman	2,000
328	7516	Penyedia Tembakau Dan Pembuat Produk Tembakau	2,740
329	7611	Perawat Kayu	1,885
330	7612	Pembuat Kabinet Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,275
331	7613	Pengeset Dan Pengendali Perkakas Mesin Untuk Kerja Kayu	1,935
332	7621	Tukang Jahit, Penjahit Pakaian, Penjahit Pakaian Bulu, Dan Pembuat Topi	1,900
333	7622	Pembuat-Pola Dan Pemetong Pakaian Dan Bahan Lain Yang Berkaitan	2,285
334	7623	Pembuat Kasut Dan Pekerja Yang Berkaitan	3,020
335	7624	Pekerja Upholsteri Dan Yang Berkaitan	2,325
336	7631	Penyelam Dalam Air	2,115

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 7 - Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
337	7632	Pembedil Dan Pembagas	2,300
338	7633	Penggred Dan Penguji Produk (Tidak Termasuk Makanan Dan Minuman)	2,015
339	7634	Pengasap Dan Pengawal Perosak Dan Rumpai	1,925
340	7639	Pekerja Kemahiran Lain Dan Yang Berkaitan Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,035



# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 8 - Operator Mesin dan Loji, Dan Pemasang

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
341	8111	Pelombong Dan Pekerja Kuari	2,325
342	8112	Operator Loji Pemprosesan Galian Dan Batu	2,375
343	8113	Penggerudi Dan Pengorek Telaga Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,340
344	8114	Operator Mesin Produk Simen, Batu, Dan Galian Lain	2,045
345	8121	Operator Loji Pemprosesan Logam	2,220
346	8122	Operator Mesin Pengemas, Penyadur, Dan Penyalut Logam	2,000
347	8131	Operator Mesin Dan Loji Produk Kimia	2,050
348	8132	Operator Mesin Produk Fotografi	1,990
349	8141	Operator Mesin Produk Getah	1,985
350	8142	Operator Mesin Produk Plastik	1,960
351	8143	Operator Mesin Produk Kertas	1,955
352	8151	Operator Mesin Penyedia Gentian, Pemintal, Dan Pelilit	1,910
353	8152	Operator Mesin Tenun Dan Kait	2,000
354	8153	Operator Mesin Jahit	1,870
355	8154	Operator Mesin Peluntur, Pencelup, Dan Pencuci Fabrik	1,910
356	8156	Operator Mesin Membuat Kasut Dan Yang Berkaitan	2,050
357	8157	Operator Mesin Dobi	1,910
358	8159	Operator Mesin Produk Tekstil, Bulu, Dan Kulit Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	1,890
359	8161	Operator Mesin Produk Makanan Dan Yang Berkaitan	1,970
360	8171	Operator Loji Pulpa Dan Pembuatan Kertas	1,985
361	8172	Operator Loji Pemprosesan Kayu	1,930

# Bab 3: Matriks Gaji dan Kenaikan Gaji

## Jadual Matriks Gaji DGP untuk Pekerja Peringkat Permulaan

MASCO 8 - Operator Mesin dan Loji, Dan Pemasang (Sambungan)

No.	MASCO4D	Nama Jawatan MASCO 4D	Gaji Pokok Permulaan untuk Pekerja Peringkat Permulaan (RM)
362	8173	Operator Mesin Produk Kayu	1,975
363	8181	Operator Loji Kaca Dan Seramik	1,935
364	8182	Operator Enjin Dan Dandang Stim	2,105
365	8183	Operator Mesin Pembungkus, Pembotol, Dan Pelabel	1,975
366	8189	Operator Mesin Dan Loji Pegun Lain Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,000
367	8211	Pemasang Jentera Mekanikal	2,070
368	8212	Pemasang Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik	2,000
369	8213	Pemasang Produk Kulit, Logam, Getah, Dan Plastik	1,945
370	8219	Pemasang Yang Tidak Dikelaskan Di Mana-Mana	2,150
371	8221	Operator-Pengeset Peralatan-Mesin	2,030
372	8311	Pemandu Enjin Lokomotif	2,440
373	8312	Operator Brek, Isyarat, Dan Suis Landasan Keretapi	1,870
374	8321	Penunggang (Pemandu) Motosikal	2,025
375	8322	Pemandu Kereta, Teksi, Dan Van	2,195
376	8331	Pemandu Bas Dan Trem	2,270
377	8332	Pemandu Trak Berat Dan Lori	2,000
378	8341	Operator Loji Bergerak Bagi Ladang Dan Perhutanan	1,935
379	8342	Operator Loji Tolak Tanah Dan Yang Berkaitan	2,035
380	8343	Operator Loji Kren, Takal Dan Yang Berkaitan	2,165
381	8344	Operator Trak Angkat	2,000
382	8351	Kelasi Kapal Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,130

# Bab 4: DGP Dipermudahkan

## Pengenalan

Bab ini menyediakan contoh untuk menggunakan kandungan Buku Panduan, terutamanya cara mengenal pasti kod 4D pekerja dan maklumat mengenai gaji pokok permulaan dan kenaikan tahunan yang diberikan. Bab ini juga menyediakan contoh tentang cara menggunakan maklumat dalam Jadual Matriks untuk melaksanakan projek perintis DGP.

## Contoh

### Contoh 1

**Apakah kesan sekiranya kod pekerjaan MASCO 4D bagi pekerja peringkat permulaan tidak dikenal pasti secara tepat?**

Jawapan: Implikasinya boleh menjadi serius dan tidak menyenangkan kerana ia membawa kepada tawaran gaji pokok permulaan yang lebih rendah atau lebih tinggi kepada pekerja baharu. Sebagai contoh, jika kod pekerjaan 4D 2142 untuk Jurutera Awam (**Ms 8**) tersilap dikenal pasti sebagai kod pekerjaan 3112 untuk Juruteknik Kejuruteraan Awam (**Ms 13**), maka, gaji pokok permulaan dalam Jadual Matriks Gaji DGP adalah RM3,115 sebulan. Kod yang tepat untuk Juruteknik Kejuruteraan Awam ialah 3112 dengan gaji pokok permulaan RM2,470 sebulan. Rujuk Jadual Matriks **Ms 8 dan 13**. Contoh ini menggambarkan keperluan untuk mengenal pasti dengan teliti dan tepat kod pekerjaan 4D berdasarkan maklumat nama jawatan dan penerangan pekerjaan yang diberikan.



**2142 - Jurutera Awam**

RM3,115



**3112 - Juruteknik Kejuruteraan Awam**

RM2,470








Perlu mengenal pasti pekerjaan MASCO 4D dengan teliti dan tepat

# Bab 4: DGP Dipermudahkan

## Contoh 2 - Kelayakan Insentif untuk Peringkat Permulaan

### Syarat-syarat Kelayakan

- i) Gaji sedia ada kurang daripada panduan DGP; **(a) < (b)**
- ii) Pelarasan sama atau lebih daripada panduan DGP. **(c) >= (b)**
- iii) Insentif adalah perbezaan antara pelarasan dan gaji sedia ada dengan maksimum RM200; **(c) - (a)**








Pekerja EL	Pekerjaan (MASCO4D)	Nama Jawatan Pekerjaan MASCO4D	(a) Gaji Sedia Ada (RM)	(b) Panduan Gaji DGP (RM)	(c) Pelarasan Gaji DGP (RM)	Penilaian		Kelayakan	Insentif (RM) (c) - (a) (maksimum RM200)
						(a) < (b)	(c) >= (b)		
 <b>A</b>	2142	Jurutera Awam	3,000	3,115	3,300	(a) < (b)	Lulus	Layak	200
						(c) >= (b)	Lulus		
 <b>B</b>	3112	Juruteknik Kejuruteraan Awam	2,500	2,470	2,500	<b>(a) &lt; (b)</b>	<b>Gagal</b>	<b>Tidak Layak</b>	0
						(c) >= (b)	Lulus		
 <b>C</b>	4311	Kerani Perakaunan Dan Simpan Kira	2,000	2,085	2,100	(a) < (b)	Lulus	Layak	100
						(c) >= (b)	Lulus		
 <b>D</b>	5414	Pengawal Keselamatan	1,800	1,985	1,900	(a) < (b)	Lulus	<b>Tidak Layak</b>	0
						<b>(c) &gt;= (b)</b>	<b>Gagal</b>		
 <b>E</b>	6131	Pengeluar Tanaman Dan Haiwan Campuran	2,000	2,000	2,100	<b>(a) &lt; (b)</b>	<b>Gagal</b>	<b>Tidak Layak</b>	0
						(c) >= (b)	Lulus		
 <b>F</b>	7231	Mekanik Dan Pembaik Kenderaan Bermotor	1,900	2,055	2,055	(a) < (b)	Lulus	Layak	155
						(c) >= (b)	Lulus		
 <b>G</b>	8212	Pemasang Kelengkapan Elektrik Dan Elektronik	1,800	2,000	2,000	(a) < (b)	Lulus	Layak	200
						(c) >= (b)	Lulus		

# Bab 4: DGP Dipermudahkan

## Contoh 3 - Kelayakan Insentif untuk Bukan Peringkat Permulaan

### Syarat-syarat Kelayakan

- i) Kenaikan gaji kurang daripada panduan DGP; **(b) < (c)**
- ii) Pelarasan sama atau lebih daripada panduan PWP. **(d) >= (c)**
- iii) Insentif adalah perbezaan antara pelarasan dan kenaikan sedia ada dengan maksimum RM 300; **(d) - (b)**

Pekerja NEL	(a) Gaji Sedia Ada(RM)	(b) Kenaikan Sedia Ada oleh Majikan	(c) Panduan Kenaikan DGP (6%)	(d) Pelarasan Kenaikan Gaji DGP	Penilaian		Kelayakan	Insentif (RM) (d) - (b) (maksimum RM300)
					(b) < (c)	(d) >= (c)		
 T	2,000	RM2,080 (4%, RM80)	RM2,120 (RM120)	RM2,120 (6%, RM120)	(b) < (c)	Lulus	Layak	40
					(d) >= (c)	Lulus		
 U	2,000	RM2,160 (8%, RM160)	RM2,120 (RM120)	RM2,160 (8%, RM160)	<b>(b) &lt; (c)</b>	<b>Gagal</b>	<b>Tidak Layak</b>	0
					(d) >= (c)	Lulus		
 V	2,000	RM2,120 (6%, RM120)	RM2,120 (RM120)	RM2,120 (6%, RM120)	<b>(b) &lt; (c)</b>	<b>Gagal</b>	<b>Tidak Layak</b>	0
					(d) >= (c)	Lulus		
 W	2,000	RM2,000 (0%, RM0)	RM2,120 (RM120)	RM2,120 (6%, RM120)	(b) < (c)	Lulus	Layak	120
					(d) >= (c)	Lulus		
 X	3,900	RM4,056 (4%, RM156)	RM4,134 (RM234)	RM4,095 (5%, RM195)	(b) < (c)	Lulus	<b>Tidak Layak</b>	0
					<b>(d) &gt;= (c)</b>	<b>Gagal</b>		
 Y	4,000	RM4,100 (2.5%, RM100)	RM4,240 (RM240)	RM4,500 (12.5%, RM500)	(b) < (c)	Lulus	Layak	300
					(d) >= (c)	Lulus		
 Z	4,800	RM4,896 (2%, RM96)	RM5,088 (RM288)	RM5,088 (6%, RM288)	(b) < (c)	Lulus	Layak	192
					(d) >= (c)	Lulus		



Kementerian Sumber Manusia

# Buku Panduan Gaji Pokok Permulaan dan Kenaikan Tahunan untuk Sektor-sektor Terpilih

**Dasar Gaji Progresif**

